



---

**ISNIN, 21 SEPTEMBER 2020  
UNTUK SIARAN SEGERA**

**Pengesahan oleh CAAM Mengenai Pesawat Terhempas  
di Tanjung Bungah, Pulau Pinang**

PUTRAJAYA – Berikutan daripada beberapa laporan berita oleh media tempatan mengenai pesawat terhempas berhampiran Tanjung Bungah, Georgetown; Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) ingin memaklumkan bahawa hasil pemeriksaan yang telah dibuat, adalah dilaporkan bahawa semua penerbangan termasuk penerbangan persendirian yang beroperasi pada 20 September 2020 telah berlepas dan mendarat dengan selamat. CAAM ingin memaklumkan bahawa sistem kami tidak mengesan pengaktifan *Emergency locator transmitter* (ELT) di sekitar kawasan yang dilaporkan. ELT adalah alat yang menyiar kan isyarat khas pada frekuensi yang ditentukan dan, bergantung pada aplikasi, dapat diaktifkan secara automatik oleh impak atau diaktifkan secara manual.

CAAM akan terus memantau keadaan dan sekiranya ada pembaharuan mengenai hal ini, semua agensi yang terlibat akan dimaklumkan sewajarnya.

**KAPTEN CHESTER VOO**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia

Untuk sebarang pertanyaan mengenai kenyataan media ini, hubungi Pn. Anis Rahim melalui emel [anis@caam.gov.my](mailto:anis@caam.gov.my)